

# Klinik kesihatan untuk kemudahan pelajar UMSKAL

UB 21/8/13 2

LABUAN: Pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) terus mencari jalan dan kaedah untuk menjaga kebajikan mahasiswa dan warga universiti itu.

Terbaru sebuah klinik kesihatan untuk warga universiti khasnya mahasiswa sudah dibina dan bakal beroperasi awal September depan menjelang kemasukan pelajar baru sesi 2013/2014. Klinik Warga dua tingkat

itu terletak di sebuah rumah berkembar berhampiran kolej kediaman pelajar perempuan dan kakitangan yang mudah dikunjungi untuk mendapatkan rawatan awal.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata Klinik Warga itu disediakan untuk memudahkan mahasiswa dan kakitangan mendapatkan rawatan awal bagi penyakit ringan seperti demam, sakit perut dan pening kepala.

Katanya, mereka boleh mendapatkan rawatan awal itu bermula pukul 6 hingga 10 malam pada setiap Isnin, Rabu dan Jumaat dengan membawa buku rawatan yang disediakan pihak universiti.

Beliau berkata dengan adanya Klinik Warga itu ia merupakan satu perkembangan perkhidmatan perubatan untuk pelajar sama seperti yang dinikmati pelajar di Kampus Induk di Kota

Kinabalu.

“ Pihak pengurusan UMSKAL sentiasa prihatin dengan kebajikan pelajar dan kakitangan serta keluarga termasuk dari segi mendapatkan rawatan kesihatan ringan sebelum dirujuk ke hospital atau klinik untuk rawatan selanjutnya,” katanya.

Majlis perasmian Klinik Warga UMSKAL disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah,

baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan-timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang (Akademik dan Antarabangsa) dan Prof Dr Shahril Yusof (Penyelidikan dan Inovasi) serta Pustakawan, Dg Rukiah Amit.

Hadir sama Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, Dr Zaini Husin.

Dr Ismail turut mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan

Labuan yang memberikan kerjasama dan komitmen sehingga Klinik Warga itu berjaya direalisasikan untuk kebaikan pelajar dan kakitangan UMSKAL.

Bagaimanapun bagi kes-kes kecemasan, pelajar dan kakitangan masih perlu merujuk kes tersebut di hospital mahupun klinik swasta untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Dr Ismail berharap dengan adanya Klinik Warga itu akan meringankan beban

pelajar dan kakitangan kerana tidak perlu lagi ke hospital untuk mendapatkan rawatan terutama pada waktu malam.

“Klinik Warga itu juga mampu menjimatkan tenaga, masa dan kewangan pelajar serta kakitangan untuk mendapatkan rawatan awal,” katanya.

Antara kemudahan yang disediakan di Klinik Warga itu termasuk bilik pemeriksaan, ruang rawatan, bilik doktor dan bilik mesyuarat.